

21 FEB 1997

GUAMAN - KEHAKIMAN (Analisis Berita)  
HUBUNGAN BADAN GUAMAN-KEHAKIMAN DIPERBAIKI

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Badan guaman Malaysia telah mengambil langkah penting bagi memulihkan hubungan dengan badan kehakiman dan tanda-tanda menunjukkan bahawa hubungan yang retak selama lapan tahun akan berakhir tidak lama lagi.

Kesempatan untuk memperbaiki hubungan sekarang tiba apabila kalangan peguam tempatan menganjurkan mesyuarat tahunan dan persidangan Persatuan Peguam Antara Pasifik (IPBA), pertubuhan yang menggabungkan peguam di rantau Asia-Pasifik.

Acara lima hari mulai 28 April di Hotel Istana di sini mendapat restu sepenuhnya daripada Ketua Hakim Negara Tan Sri Eusoff Chin, yang juga akan merasmikan persidangan dan menyampaikan ucapan dasar.

Persidangan itu yang akan dihadiri oleh 500 peguam dari 60 negara dipercayai ialah persidangan guaman yang terbesar diadakan di Malaysia.

Menurut setiausaha penganjur S. Radhakrishnan, persidangan itu memberi makna kepada Malaysia dalam konteks antarabangsa kerana ia dapat memperkenalkan Malaysia kepada dunia.

Persidangan itu juga penting kerana ia memperlihatkan Eusoff sebagai ketua badan kehakiman menghulurkan salam perdamaian kepada anggota-anggota badan guaman.

Hubungan badan guaman-kehakiman dilanda krisis pada 1988 selepas pemecatan Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas atas tuduhan salah laku. Perkembangan ini dianggap oleh badan guaman sebagai ancaman terhadap kebebasan badan kehakiman.

Majlis Peguam meluluskan undi tidak percaya terhadap pengganti salleh iaitu Tun Abdul Hamid Omar, yang mepengerusikan Tribunal Khas yang mendapati Salleh bersalah terhadap tuduhan.

Sejak itu, hubungan semakin renggan tetapi kalangan perundangan berkata keadaan mula bertambah jernih apabila Eusoff mengambil alih daripada Hamid dua tahun lalu.

Ia menghasilkan perubahansikap di kalangan kedua-dua pihak dan sokongan peribadi daripada Eusoff bagi persidangan tersebut dianggap sebagai langkah penting bagi mengakhiri apa yang sesetengah peguam sifatkan sebagai babak malang dan sedih dalam sejarah perundangan negara.

Eusoff, dalam perutusan kepada persidangan IPBA, berkata pemilihan Kuala Lumpur sebagai tempat persidangan bukan sahaja satu penghormatan kepada kalangan peguam tetapi juga kepada negara.

Sejak penubuhannya pada 1991, jumlah anggota IPBA telah meningkat kepada lebih 2,500 dari 66 negara.

Satu daripada objektifnya ialah menyediakan khidmat bantuan guaman kepada pelanggan berhubung dengan peluang-peluang perniagaan dan usahasama yang baru dim rantau Asia-Pasifik.

Radhakrishnan berkata persidangan IPBA juga amat bermakna kerana buat kali pertama, kalangan peguam Malaysia telah mengambil dayausaha untuk mempromosikan pembangunan ekonomi Malaysia.

"Ia ialah tambahan kepada usaha dan kesungguhan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat ke seluruh dunia untuk menemui kapten industri di negara masing-masing," kata beliau.

Beliau berkata oleh kerana peguam yang menghadiri persidangan itu secara langsung atau tidak langsung dikaitkan dengan kepentingan perniagaan di rantau itu, ia merupakan satu penghormatan untuk "menjual" Malaysia.

"kehadiran mereka di sini semasa persidangan membolehkan mereka

menasihati kapten industri di negara anggota IPBA mengenai peluang perniagaan dan perdagangan yang luas di Malaysia di samping bertukar-tukar nota dengan rakan sejawatan dari Malaysia," katanya.

Kemuncak persidangan ialah sidang pleno yang akan membincangkan implikasi globalisasi dengan pelaksanaan peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada profesion guaman.

Ahli-ahli panel sesi ini antaranya ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menurut Eusoff dalam perutusannya, para perwakilan persidangan dapat mengenali dari dekat mengenai perjuangan WTO menentang dasar perlindungan.

-- BERNAMA

AU FAZ